

TAMBAHAN

[Yang harus dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian penting dari Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) yang dikirim oleh MBSB Bank dan diterima oleh Pelanggan berkenaan dengan Kos Perubahan di bawah Bantuan Bayaran Balik Bersasar]

A. Mukadimah

Penambahan ini mengandungi keterangan ringkas mengenai definisi, tujuan, proses, dan terma dan syarat bagi Kos Perubahan Pembiayaan yang dikenakan di bawah Bantuan Bayaran Balik Bersasar (“Program”).

B. Definisi

“Komoditi” bermaksud barang dagangan patuh Shariah yang diterima oleh MBSB Bank dan dibeli melalui mana-mana platform peniaga komoditi yang dilantik oleh MBSB Bank yang akan ditransaksikan sebagai aset dasar bagi transaksi Tawarruq. Komoditi tersebut bebas dari sebarang jaminan MBSB Bank untuk memenuhi syarat, kuantiti, dan keterangan dan tanpa tanggungjawab kepada MBSB Bank atas sebarang kehilangan, kerosakan atau kemerosotan.

“Pelanggan” merujuk kepada pelanggan MBSB Bank yang memohon dan menerima tawaran Program ini.

“Kos Perubahan” (“KP”) merujuk kepada kos tambahan yang ditanggung oleh MBSB Bank dari masa ke masa disebabkan oleh perubahan kepada jadual pembayaran asal atau pengurangan jumlah pembayaran bulanan asal seperti yang ditawarkan di bawah Program Bantuan Kewangan. Kos Perubahan ini akan ditanggung oleh Pelanggan dan dibayar sebelum tempoh matang kemudahan.

C. Kelayakan

KP akan tertakluk kepada Pelanggan yang memilih untuk memohon Program tersebut untuk akaun pembiayaan di bawah Pembiayaan Hartanah-i (berdasarkan kontrak Shariah Komoditi Murabahah dan Al-Bai Bithamal Ajil) dan Pembiayaan Peribadi-i (berdasarkan kontrak Tawarruq dan Bai Inah).

Penambahan ini akan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Instrumen Kemudahan yang telah sedia ada termasuk SMS (sekiranya terpakai) di bawah Pembiayaan Hartanah-i dan Pembiayaan Peribadi-i. Selain daripada perubahan yang disebut disini, segala terma dan syarat lain dalam Instrumen Kemudahan yang telah sedia ada tidak akan berubah dan berterusan menjadi sah dan boleh dikuatkuasakan.

D. Pengiraan Kos Perubahan Pembiayaan

Kos perubahan pembiayaan adalah caj tambahan bagi menampung kos berkaitan yang ditanggung oleh MBSB Bank disebabkan oleh penangguhan pembayaran sebanyak 3 bulan / 50% pengurangan dari pembayaran bulanan selama 6 bulan. Pengiraan KP adalah berdasarkan pengiraan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh MBSB Bank selepas perubahan kepada syarat pembayaran balik menggunakan kadar keuntungan efektif..

E. Konsep dan Kaedah Penganaan KP

Dengan menerima tawaran Program MBSB Bank yang dihantar melalui SMS, Pelanggan dengan ini dianggap bersetuju untuk melaksanakan kontrak Komoditi Murabahah melalui Tawarruq bagi menanggung jumlah KP. Pelanggan akan berjanji untuk membeli Komoditi dengan Harga Jualan yang bersamaan dengan Harga Belian ditambah keuntungan. Jumlah Harga Belian adalah sama dengan jumlah KP sementara jumlah keuntungan juga bersamaan dengan jumlah KP. Ilustrasi seperti di bawah:

| | |
|--------------------------|---|
| KP | : RM 300.00 |
| (A) Harga Belian | : RM 300.00 (Harga Belian dan Jualan pada pihak ketiga) |
| (B) Keuntungan | : RM 300.00 |
| (C) Harga Jualan (A + B) | : RM 600.00 (Harga Jualan pada Pelanggan) |

Pelanggan dengan ini melantik MBSB Bank sebagai wakil untuk membeli Komoditi dari MBSB Bank dan menjual (A) Komoditi yang sama selepas itu kepada pihak ketiga dengan jumlah yang bersamaan dengan Harga Belian (A). Hasil dari penjualan Komoditi akan digunakan untuk menyelesaikan Harga Belian dan dengan itu bermulalah kewajiban Pelanggan untuk pembayaran (B) Kos Perubahan (KP) di bawah akaun pembiayaan masing-masing.

Pelanggan mempunyai hak untuk memohon dan mengambil milikan fizikal Komoditi. Sekiranya Pelanggan menggunakan hak tersebut untuk mengambil penyerahan fizikal, Pelanggan akan memberitahu MBSB Bank dan semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengannya hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.

Pelanggan dengan ini berjanji untuk memberi ganti rugi kepada MBSB Bank untuk semua kerugian, kos dan perbelanjaan yang terhasil dari segala tuntutan, prosiding, tindakan, permintaan, atau segala bentuk kerosakan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh MBSB Bank akibat daripada memenuhi fungsi agensi seperti yang dinyatakan di atas.

F. Fi Pembrokeran / Perdagangan Komodi

Fi Pembrokeran / Perdagangan Komoditi bermaksud yuran yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan yang dilantik ketika MBSB Bank melakukan transaksi Tawarruq seperti dinyatakan di atas dan untuk tujuan penganaan KP. MBSB Bank akan menanggung Bayaran Fi Pembrokeran / Perdagangan Komoditi tersebut.

G. Kewajipan Meneruskan Bayaran Selepas Penganaan Caj KP

Penganaan KP akan didebitkan ke dalam akaun pembiayaan Pelanggan sebagai caj pelbagai dan tidak akan dikenakan sebarang caj tambahan lagi.

Oleh itu, KP akan menjadi sebahagian daripada keberhutangan Pelanggan kepada MBSB Bank dalam tempoh dan / atau sesuai dengan terma dan syarat seperti yang terkandung di sini sebelumnya dan / atau selepas ini berdasarkan caj KP. Semua hak, perjanjian, kewajipan, dan tanggungjawab Pelanggan kepada MBSB Bank yang berkenaan dengannya termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan keingkaran oleh Pelanggan dan / atau hak perolehan dari pihak MBSB Bank akan tetap utuh dan dapat dilaksanakan sehingga semua hutang Pelanggan kepada MBSB Bank telah dijelaskan sepenuhnya.

** Selebihnya halaman ini sengaja dibiarkan kosong **